

Tanah runtuh Bukit Larut: Empat pekerja stesen telekomunikasi berjaya dibawa turun - Bomba

Astro Awani | 📅 November 10, 2019 11:50 MYT



MPT dalam satu kenyataan memaklumkan operasi di Bukit Larut terpaksa ditutup sementara waktu bermula 9 November hingga 11 November. - Foto JBPM

KUALA LUMPUR: Empat pekerja stesen telekomunikasi yang terperangkap akibat tanah runtuh di laluan tar kawasan Bukit Larut Taiping pagi tadi berjaya dibawa keluar pasukan mencari dan menyelamatkan kira kira jam 11 pagi tadi.

Menurut Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Taiping Rafeel Hairul Ricard, operasi membawa keluar mangsa mengambil masa beberapa jam.

Ia berikutan runtuh tanah serta pokok tumbang yang menghalang laluan jalan tar berkenaan.

Tambah Rafeel ketika dihubungi *Astro AWANI*, kesemua mangsa telah dibawa turun ke kaki bukit sebelum dibenarkan pulang.

Dalam kejadian kira kira 8.52 pagi tadi, empat pekerja telekomunikasi itu terperangkap selepas laluan utama ke pemancar ditutup oleh runtuh tanah.

Bagaimanapun tindakan pantas Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) berjaya mengalihkan runtuh.

Sementara itu, MPT dalam satu kenyataan memaklumkan operasi di Bukit Larut terpaksa ditutup sementara waktu bermula 9 November hingga 11 November.

Ia bagi membolehkan kerja pembersihan pokok tumbang dan tanah runtuh di beberapa kawasan terbabit dilakukan.

Bagaimanapun, katanya pelawat yang ingin beriadah dan berjalan kaki, masih boleh menjalankan aktiviti tersebut seperti biasa, dari kaki bukit sehingga Tea Garden.